

17/12/1998

Tempoh Kempen Pemilikan Rumah mungkin dilanjutkan

PERSATUAN Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM) tidak menolak kemungkinan melanjutkan Kempen Pemilikan Rumah berikutan sambutan yang diterima daripada pembeli serta membuka peluang kepada lebih ramai pemaju untuk menyertainya.

Jurucakap HDAM ketika dihubungi di Kuala Lumpur, semalam berkata berikutan itu persatuan akan mengadakan perbincangan terperinci dengan cawangannya bagi mengenal pasti bentuk pelaksanaan dan idea lebih baik bagi memastikan keberkesanan kempen sebulan itu.

Katanya, lanjutan tempoh Kempen Pemilikan Rumah yang bermula 12 Disember lalu juga dilihat mampu memberi lebih masa kepada pembeli untuk membuat keputusan terbaik bagi memiliki kediaman yang diinginkan.

Menurutnya, HDAM turut menerima maklum balas positif dari cawangannya yang juga menyuarakan pendapat sama untuk memanjangkan tempoh Kempen Pemilikan Rumah.

"Bagaimanapun tiada sebarang cadangan bertulis diterima dari cawangan HDAM setakat ini," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan persatuan itu mengemukakan cadangannya kepada Kementerian Perumahan dan kerajaan tempatan untuk tujuan itu, beliau berkata: "Kami belum bercadang berbuat demikian."

Beliau yang enggan mengulas lebih lanjut berkata, bagaimanapun HDAM melihat sentimen berkenaan turut membuktikan keberkesanan kempen berkenaan bagi mencergaskan semula sektor hartanah tempatan.

Kelmarin, HDA Kedah meminta kerajaan melanjutkan tempoh Kempen Pemilikan Rumah kepada tiga bulan berbanding sebulan sekarang.

Langkah itu bertujuan membolehkan ramai pemaju sama ada ahli dan bukan ahli mengambil bahagian, sekali gus merangsang semula kegiatan penjualan rumah termasuk kos tinggi dalam tempoh kempen berlangsung.

"Kami berharap kerajaan akan mempertimbangkan cadangan bagi melanjutkan tempoh kempen ini."

"Kami yakin pembeli tidak akan tergesa-gesa membuat sebarang keputusan bagi memiliki rumah malah mereka mempunyai banyak masa untuk berbuat demikian," katanya.

Sejak mula dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu lalu, pelbagai reaksi positif diterima daripada pembeli terhadap projek kediaman dan ruang niaga yang ditawarkan di bawah kempen berkenaan.

Ramai berpendapat ia adalah masa yang sesuai untuk membeli kediaman berikutan pembeli akan menikmati potongan istimewa sekurang-kurangnya 10 peratus daripada harga rumah sepanjang tempoh itu.

(END)